

KEHARMONIAN HIDUP BERTERASKAN KOMUNIKASI
BERSEPADU : SATU KAJIAN KES MENGENAI SOKA
GAKKAI MALAYSIA

TAN SIEW HONG

AGC 99037

Telah semak dengan Pej. Dekan, FSSS.
Beliau di bawah Pengajaran Peradaban.
dan tahun yang betul 2004. Janice
26/7/04.

Kertas Projek Yang Dikemukakan Kepada Fakulti Sastera Dan Sains
Sosial, Universiti Malaya Sebagai Memenuhi Sebahagian Daripada
Keperluan Untuk Ijazah Sarjana Sastera Dan Sains Sosial

2004

-2003-

Perpustakaan Universiti Malaya



A511568977

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan buat Profesor Madya Dr. Soo Khin Wah, selaku penyelia saya yang telah banyak memberi teguran, nasihat, tunjuk ajar, pandangan dan bimbingan dalam menyempurnakan disertasi ini.

Jutaan terima kasih diucapkan kepada Encik Koe Teng Hong, selaku Ketua Pengarah Soka Gakkai Malaysia (SGM). Budi dan jasanya tidak dapat dibalas. Kekayaan budi pekerti melebihi segala-galanya.

Terima kasih yang tidak terhingga juga diucapkan kepada Encik Koh Siak Fie, editor Bahasa Cina majalah *Cosmic*, Cik Tay Bee Bee, editor Bahasa Melayu majalah *Cosmic*, Andrew Lim yang sudi meminjam banyak buku penulisan Daisaku Ikeda, dan ahli-ahli SGM yang telah memberikan kerjasama sepenuhnya kepada saya khususnya dari segi data atau bahan kajian.

Akhir sekali, ribuan terima kasih kepada keluarga saya yang selalu memberikan saya sokongan moral. Semoga usaha kecil ini dapat membawa manfaat untuk diri saya dan mereka yang berminat serta mencintai ilmu. Juga semoga pertubuhan Buddhisme SGM dapat terus berkembang maju.

SINOPSIS

Disertasi ini terdiri daripada pendahuluan dan enam bab yang seterusnya. Bab Pendahuluan merangkumi maklumat asas tentang latar belakang kajian seperti kepentingan kajian, skop kajian, metodologi kajian serta masalah yang saya hadapi ketika menjalankan kajian ini.

Bab 1 menekankan peranan agama dalam mewujudkan keharmonian hidup manusia. Selain memperkenalkan Soka Gakkai Malaysia (SGM) dan Soka Gakkai Internasional (SGI), sebuah pertubuhan Buddhist yang bertaraf antarabangsa berdasarkan teori “penciptaan nilai” (*value added*) Soka Gakkai, bab ini juga merakamkan cita-cita, tradisi, doktrin asas, falsafah, ajaran, dan semangat asas Soka Gakkai yang merupakan faktor pendorong bagi perkembangan SGM.

Bab 2 menyentuh teori komunikasi. Takrif komunikasi, fungsi komunikasi, dan perkaitan falsafah Buddhism dengan teori komunikasi bersepada akan dikemukakan pada bab 2 ini. Konsep penting “komunikasi bersepada” yang disarankan oleh Soka Gakkai akan dibincang berlandaskan konteks SGM juga.

Bab 3, 4 dan 5 cuba mendalami konsep “komunikasi bersepada” SGM berdasarkan tiga aspek, iaitu aspek pendidikan, aspek keamanan, dan aspek kebudayaan. Fokus tertumpu kepada aktiviti-aktiviti SGM dalam usaha memupuk keharmonian diri sendiri, antara manusia dengan manusia, dan antara manusia dengan persekitaran.

Beberapa aspek pengajaran Buddha dan pemikiran yang berteraskan kerohanian juga akan disentuh dalam ketiga-tiga bab ini..

Bab 6 selanjutnya merupakan bahagian penutup. Tinjauan terhadap pengalaman SGM yang lepas dan rancangan SGM pada masa yang akan datang akan dilakukan untuk menilai sejauh manakah komunikasi bersepadau SGM yang berteraskan falsafah “evolusi manusia” dapat memperkuatkan perpaduan nasional Malaysia. Peranan SGM dalam usaha melahirkan sebuah masyarakat Malaysia berbilang kaum yang berharmoni juga akan diteliti.

PENDAHULUAN

BAB 1 PERTUBUHAN BUDDHISME SOKA GAKKAI MALAYSIA

- 1.1 Soka Gakkai Malaysia (SGM)
- 1.2 Teori “Penciptaan Nilai” Soka Gakkai
 - 1.2.1 Doktrin Asas Dan Semangat Soka Gakkai
 - 1.2.2 Falsafah Dan Ajaran Soka Gakkai
- 1.3 Visi Ahli Soka Gakkai Malaysia (SGM)
- 1.4 Komunikasi: Elemen Yang Menyatukan Manusia

BAB 2 TEORI DAN FUNGSI KOMUNIKASI

- 2.1 Takrif Komunikasi
- 2.2 Fungsi Komunikasi
- 2.3 Falsafah Buddhisme Dan Teori Komunikasi
- 2.4 “Komunikasi Bersepadu” Saranan Soka Gakkai

BAB 3 KONSEP “KOMUNIKASI BERSEPADU” DALAM KONTEKS PENDIDIKAN SOKA GAKKAI

- 3.1 Pandangan Pendidikan Soka Gakkai Untuk Kewarganegaraan Sedunia
- 3.2 Konsep “Komunikasi Bersepadu” Dalam Aktiviti Pendidikan SGM
 - 3.2.1 Tadika Seri Soka SGM
 - 3.2.2 Penyerapan “Komunikasi Bersepadu” Menerusi Aktiviti Pembelajaran Falsafah Buddhisme
- 3.3 Rumusan : Menjana Daya Kreatif Dalam Komunikasi Pendidikan

BAB 4 KONSEP “KOMUNIKASI BERSEPADU” DALAM KONTEKS KEAMANAN SOKA GAKKAI

- 4.1 *Esho-Funi* : Kesatuan Kehidupan Dan Persekutaran
- 4.2 Konsep “Komunikasi Bersepadu” Dalam Aktiviti Keamanan SGM
 - 4.2.1 Aktiviti Dialog Keamanan
 - 4.2.2 Aktiviti Mencintai Alam Sekitar

BAB 5 KONSEP “KOMUNIKASI BERSEPADU” DALAM KONTEKS KEBUDAYAAN SOKA GAKKAI

- 5.1 Konsep “Komunikasi Bersepadu” Dalam Konteks Aktiviti Kebudayaan SGM
- 5.2 Penglibatan Ahli SGM Dalam Aktiviti Kebudayaan Anjuran Kerajaan
- 5.3 Penglibatan Aktiviti Kebudayaan Dalaman SGM
- 5.4 Kebudayaan (*Wenhua*) Yang Menyatukan Hati Manusia

BAB 6 PENGAMALAN DAN PENGHAYATAN KOMUNIKASI BERSEPADU MENERUSI AKTIVITI SGM

- 6.1 Sumbangan Komunikasi Bersepadu SGM Dalam Membentuk Masyarakat Yang Harmoni
- 6.2 Penutup

SENARAI JADUAL

Jadual	Tajuk	Mukasurat
1.	Taburan pusat kebudayaan SGM di Malaysia.	8
2.	Penglibatan SGM dalam aktiviti anjuran kerajaan dan swasta bagi tempoh 1986-2000.	12
3.	Aktiviti persempahan kebudayaan tahun 1999 anjuran kerajaan.	56
4.	Aktiviti persempahan kebudayaan tahun 2000.	57

SENARAI GAMBAR RAJAH

Gambar rajah	Tajuk	Mukasurat
1.	Struktur organisasi pentadbiran pusat SGM.	10
2.	Tiga jawatankuasa tertinggi SGM.	11
3.	Tiga kebenaran (<i>en-yu santai</i>)	19

SENARAI GAMBAR

(Untuk bab 1, semua gambar terlampir di antara halaman 26 dan 27)

(Untuk bab 3, semua gambar terlampir di antara halaman 43 dan 44)

(Untuk bab 4, semua gambar terlampir di antara halaman 53 dan 54)

(Untuk bab 5 , semua gambar terlampir di antara halaman 64 dan 65)

- 1.1 Presiden Soka Gakkai, Soka Gakkai Internasional (SGI) dan Ketua Pengarah Soka Gakkai Malaysia (SGM)
- 3.1 Aktiviti-aktiviti pelajar TSS.
- 3.2 Lawatan pertubuhan pendidikan dan tadika lain ke TSS.
- 3.3 Kem motivasi SGM dan seminar agama Buddha
- 3.4 Lawatan SGM ke organisasi kebajikan.
- 3.5 Pesta Kebudayaan Amal SGM Sarawak dan Selangor
- 3.6 Pendermaan hasil kutipan kepada organisasi kebajikan dan pendidikan.
- 4.1 Dialog dan perjumpaan Daisau Ikeda dengan orang kenamaan dalam pelbagai bidang.
- 4.2 Dialog dan perjumpaan Daisau Ikeda dengan pemimpin negara
- 4.3 Pengiktirafan umum sumbangan Daisaku Ikeda.
- 4.4 Ceramah Keamanan di Pusat Kebudayaan SGM.
- 4.5 Konvensyen Keamanan Wanita SGM di seluruh Malaysia.
- 4.6 Kempen “Earth Charter” yang dianjurkan oleh SGM
- 5.1 Penglibatan SGM dalam upacara perasmian Sukan Komanwel ke-16

- 5.2 Penglibatan SGM dalam aktiviti kerajaan.
- 5.3 Pameran Seni Lukis Dr Cheng Haw- Chien "Mengabadikan Warna-Warna Peralihan Alaf" yang dianjurkan oleh SGM.
- 5.4 Pameran Seni Lukis Kanak-Kanak Sedunia SGM.

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran	Tajuk	Mukasurat
1.	Kutipan derma melalui Pesta Kebudayaan Amal SGM dari tahun 1995-2000.	74
2.	Pendidikan melalui amalan tahun 1999 hingga 2001.	75
3.	Aktiviti-aktiviti keamanan SGM tahun 1999.	77
4.	Aktiviti-aktiviti keamanan SGM tahun 2000.	78
5.	Aktiviti-aktiviti keamanan SGM melalui pemeliharaan persekitaran tahun 2000.	79

KEPENDEKAN

EARTH	Enjoy, Appreciate, Realise, Try, Hope
GBBM	Gerakan Belia Bersatu Malaysia
GPGSCM	Gabungan Persatuan Guru-Guru Sekolah Cina Malaysia
HUKM	Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia
IPA	Ikeda Peace Auditorium
IPRM	Institut Perhubungan Raya Malaysia
J.E.	Japanese Encephalitis
JKR	Jabatan Kerja Raya
KESUMA	Karnival Sukan Untuk Semua
MPKj	Majlis Perbandaran Kajang
NGO	Non Government Organisation
NSM	Nichiren Shoshu Malaysia
OMEP	Organisation Mondiale Pour L ' Education (The World Organisation For Early Childhood Education)
PBB	Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
PDPPBB	Persekutuan Dunia Persatuan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
PINTAS	Pelan Tindakan Gejala Sosial
SGI	Soka Gakkai Internasional
SGM	Soka Gakkai Malaysia
TSS	Tadika Seri Soka
TREES	Treat Every Environment Special

UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UM	Universiti Malaya
UMNO	United Malays National Organisation
UNCED	United Nation Conference On Environment and Development
UPM	Universiti Putra Malaysia
USM	Universiti Sains Malaysia

PENDAHULUAN

Bab ini akan meneliti tujuan kajian, skop kajian, metodologi, dan masalah-masalah semasa menjalankan kajian.

KEPENTINGAN KAJIAN

Kebanyakan pertubuhan Buddhisme di Malaysia lebih cenderung kepada aktiviti-aktiviti keagamaan seperti perasmian patung baru dewa-dewi, menjalankan upacara ritus, upacara pengebumian dan seumpamanya. Akibatnya, orang ramai beranggapan bahawa agama Buddha merupakan agama yang pasif, tidak mengambil berat tentang kebijakan masyarakat tetapi cuma mementingkan ritus agama. Tanggapan yang salah ini disebabkan pendedahan terbatas terhadap agama Buddha yang tulen. Jadi, kajian ini diharapkan dapat membantu memperkenalkan ajaran Buddha yang sebenar, terutamanya bagi mazhab Mahayana Nichiren Shoshu Buddhisme.

SKOP KAJIAN

Kajian ini melibatkan tinjauan terhadap pertubuhan Buddhisme Soka Gakkai Malaysia (SGM), yang mengamalkan falsafah pemeliharaan keamanan abadi, interaksi dan keharmonian kebudayaan serta penekanan pendidikan manusia berasaskan “pemulihan dalaman seseorang.” Secara ringkas, “komunikasi bersepak” yang menjadi skop kajian ini merupakan alat atau mekanisme yang membantu membentuk kelompok masyarakat baru. Dalam kehidupan sosial, komunikasi memainkan peranan penting dalam mewujudkan keharmonian di antara manusia dan persekitaran. SGM yang menyalurkan konsep komunikasi bersepak ke dalam segala

aktivitinya, terutamanya dalam aspek pendidikan, pemeliharaan keamanan dan kemajuan kebudayaan itu, telah dipilih sebagai sasaran kajian, demi menguji impak komunikasi terhadap perkara-perkara seperti yang berikut :

- Adakah komunikasi bersepada memperluaskan persahabatan dan perasaan saling mempercayai di kalangan anggota SGM di Malaysia ?
- Dapatkah komunikasi bersepada melahirkan hasrat ahli SGM untuk memupuk keharmonian dan keamanan di antara manusia dan persekitaran ?
- Apakah komunikasi mampu membantu ahli SGM menuju ke arah merealisasikan tamadun manusia yang dihayati sejagat ?

METODOLOGI

Kaedah penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini termasuk kaedah temu bual dengan pemimpin SGM dan ahli-ahlinya secara formal dan tidak formal; penyelidikan perpustakaan yang mencakupi rujukan majalah-majalah bulanan serta buku-buku terbitan SGI dan SGM, VCD dan video dan lain-lain. Selain itu, kaedah pemerhatian dan penyertaan dalam aktiviti-aktiviti anjuran SGM juga digunakan untuk memperoleh maklumat tambahan dan untuk memantap atau memperkuuhkan hasil penyelidikan ini.

Untuk mendapatkan maklumat yang terperinci mengenai SGM, pengkaji telah melibatkan diri dalam aktiviti pendidikan, kebudayaan dan keamanan yang dianjurkan oleh SGM seperti melawat Tadika Seri Soka, menyertai perjumpaan dan perbincangan ajaran Buddha, mengunjungi pameran seperti pameran Seni Lukis Kanak-Kanak, pameran pengenalan SGM dan SGI, menyertai beberapa ceramah dan juga konvensyen keamanan wanita. Di samping itu, dengan menyaksikan beberapa

persembahan kebudayaan seperti Pesta Kebudayaan Bahagian Wanita, Malam Kemesraan Tetangga dan Kebudayaan, Konvensyen Keamanan Wanita dan aktiviti-aktiviti lain yang seumpamanya turut memudahkan proses penyelidikan pengkaji.

Rujukan kepada sumber-sumber sekunder seperti buku, majalah, akhbar serta tontonan VCD dan video berkenaan aktiviti SGM terutamanya kisah Daisaku Ikeda, presiden ketiga Soka Gakkai di Jepun, dan penglibatan ahli SGM dalam Sukan Komanwel ke-16 juga dibuat demi melengkapkan diri dengan pengetahuan yang diperlukan semasa melakukan kerja lapangan dalam proses penulisan disertasi ini.

Selain itu, perbualan secara tidak formal dengan ahli-ahli SGM semasa menyertai aktiviti mereka juga kerap dilakukan. Untuk mengesahkan maklumat yang kurang jelas, pengkaji telah menjalankan temu bual dengan pemimpin dan AJK SGM.

MASALAH SEMASA MENJALANKAN KAJIAN

Semasa menjalankan kajian ini, pengkaji menghadapi masalah kekurangan kajian lepas mengenai SGM. Cuma terdapat satu kajian lepas mengenai SGM yang dijalankan pada tahun-tahun 1980-an. Maklumat mengenai SGM yang dipaparkan dalam kajian itu juga didapati tidak menyeluruh.

Begitu juga kebanyakan kajian lepas berkenaan pertubuhan agama Buddha didapati lebih bersifat historis iaitu penekanan hanya diberikan kepada fakta-fakta sejarah. Kajian ini pula lebih tertumpu kepada persoalan peradaban. Oleh itu, pengkaji terpaksa membuat pengubahsuaian untuk menjelaskan subjek kajian secara teliti pada bahagian skop kajian disertasi ini.

Oleh kerana SGM merupakan sebuah pertubuhan agama Buddha yang terdiri daripada penganut Cina (sebilangan kecil sahaja terdiri daripada penganut berbangsa India), maka terbitan buku-buku, majalah-majalah, data-data sekunder, artikel-artikel yang berkaitan dengan bidang kajian ini kebanyakannya tertulis dalam bahasa Cina atau bahasa Inggeris. Ini menimbulkan kesulitan kepada pengkaji untuk membuat penterjemahan. Bagaimanapun, masalah ini dapat diatasi dengan bantuan Tay Bee Bee, seorang editor Bahasa Melayu keluaran majalah bulanan SGM, *Cosmic*.